

# **SUSUR GALUR AMALAN BERHUTANG DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU**

**(*The Historical Background of Monetary Borrowing Practices among the Malays*)**

*Nor Asmat Ismail*

*norasmat@usm.my*

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,  
Universiti Sains Malaysia.

*Hainnur Aqma Rahim*

*hainnuraqma.rahim@gmail.com*

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),  
Universiti Sains Malaysia.

## **Abstrak**

Artikel ini menghuraikan gelagat dan punca masyarakat Melayu suka berhutang yang diamalkan sejak zaman sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan hingga kini. Kajian yang dijalankan bersifat kualitatif, dan huraian dibuat berdasarkan kajian kepustakaan dengan meneliti kajian lepas, catatan sejarah dan *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2015*. Hasil penelitian menunjukkan bahawa masyarakat Melayu pada masa dahulu berhutang bukan hanya untuk memenuhi keperluan hidup bagi golongan miskin, tetapi juga untuk bermewah-mewah bagi golongan berada yang bertujuan meningkatkan status sosial mereka. Amalan berhutang masyarakat dahulu memberikan kesan buruk kepada generasi kini kerana ribuan hektar tanah orang Melayu tergadai kepada golongan *Chettiar*, ekoran kegagalan membayar balik hutang kerana kadar bunganya yang tinggi dan menindas penghutang. Amalan berhutang yang bukan bertujuan memenuhi keperluan hidup masih lagi diamalkan hingga kini.

Kata kunci: masyarakat Melayu, hutang, komuniti *Chettiar*, tanah orang Melayu

***Abstract***

*The Malay Community from the past to the present is often associated with debt. This paper describes the reason and the behavior of the Malays involved in monetary borrowing since before Malaysia achieved independence. This paper uses a qualitative method and the description is based on past studies, historical records and Bank Negara Malaysia's Annual Report 2015. We found that the Malays fall into debt not just to meet their necessities in the case of poor people, but in the case of the rich, for luxury and to improve their social status. The practice of monetary borrowing has had a detrimental impact on the present generation, as thousands of hectares of Malay land were pledged to the Chettiar community, as a result of failure to repay debt due to high interest rates and oppressive creditors. Going into debt for reasons other than necessity is still the practice today.*

**Keywords:** *Malay community, debt, Chettiar community, Malay land*

## **PENDAHULUAN**

Masyarakat kini memerlukan pelbagai peralatan elektronik untuk memudahkan kehidupan sehari-hari, contohnya mesin basuh, peti sejuk dan kendaraan bermotor. Sebahagian daripada masyarakat tidak mampu membeli barang tersebut secara tunai kerana kekangan pendapatan. Amalan berhutang menular dalam kalangan masyarakat bukan sahaja melibatkan golongan tertentu, malahan melibatkan semua golongan masyarakat pada setiap peringkat umur, tidak kira tua atau muda, golongan berpendapatan rendah atau berpendapatan tinggi, dan juga tidak mengira taraf pekerjaan sama ada pekerja am ataupun profesional, yang bekerja dengan sektor awam, sektor swasta mahupun bekerja sendiri.

Menurut *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2015*, kadar hutang isi rumah berbanding dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah 81 peratus pada tahun 2014. Keadaan ini bermaksud, hutang yang ditanggung oleh rakyat Malaysia adalah sebanyak 81 peratus daripada pendapatan yang diterima pada tahun 2015. Statistik juga menunjukkan bahawa Malaysia merupakan negara yang mempunyai paras hutang isi rumah kedua tertinggi di rantau Asia Pasifik selepas Korea Selatan (86%), diikuti oleh Singapura (77%), Thailand (72%), Jepun (66%), Hong Kong (63%), Taiwan (47%), China (35%), India (19%), Indonesia (18%) dan Filipina (6%). Berdasarkan statistik dunia pula, Malaysia menduduki tangga ke-5 selepas Korea Selatan. Statistik ini ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Peratusan hutang isi rumah berdasarkan KDNK.

	<b>Negara</b>	<b>Peratusan (%)</b>
1	Ireland	106
2	United Kingdom	93
3	Kanada	92
4	Korea Selatan	86
5	Malaysia	81
6	Amerika Syarikat	78
7	Thailand	68

(Sumber: *The Economist 2016*)

Keadaan hutang isi rumah di Malaysia sebelum krisis kewangan Asia pada tahun 1997 menunjukkan bahawa jumlah pinjaman isi rumah secara relatifnya kecil berbanding dengan jumlah pinjaman korporat. Pada akhir tahun 1997, pinjaman sektor korporat adalah sebanyak 67 peratus daripada jumlah pinjaman isi rumah. Namun, selepas tahun 2000, jumlah pinjaman isi rumah meningkat dengan lebih cepat. Pada akhir tahun 2007, jumlah pinjaman isi rumah meningkat kepada 56 peratus berdasarkan jumlah pinjaman bank seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.


**Jadual 2** Peratusan pecahan pinjaman bank daripada jumlah pinjaman.

<b>Tahun</b>	<b>Korporat (%)</b>	<b>Isi rumah (%)</b>
2000	65.6	34.4
2001	58.7	41.3
2002	54.7	45.3
2003	51.2	48.8
2004	48.6	51.4
2005	45.5	54.5
2006	43.5	56.5
2007	44.1	55.9

(Sumber: *Bank Negara Malaysia*)

Sebahagian besar isi rumah berhutang untuk membeli harta tanah seperti rumah kediaman yang menduduki tangga teratas, diikuti oleh pinjaman kenderaan, penggunaan peribadi, pembelian sekuriti dan kad kredit. Keadaan ini digambarkan dalam Rajah 1.

**Rajah 1** Komposisi pinjaman isi rumah mengikut tujuan pinjaman (dalam bentuk peratusan).




(Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbadanan, Bank Negara Malaysia)

Lebih membimbangkan lagi apabila jumlah hutang isi rumah lebih besar daripada keupayaan membayar balik hutang. Keadaan ini ditunjukkan dalam Rajah 2. Contohnya, pada tahun 2012, nisbah hutang isi rumah berdasarkan KDNK adalah sebanyak 80.5 peratus, manakala nisbah bayaran balik hutang hanya 43.9 peratus. Pinjaman yang dibuat seperti pinjaman kenderaan persendirian, pinjaman peribadi dan kad kredit boleh menyebabkan kegagalan membayar balik, jika tidak mempunyai kemahiran menguruskan kewangan dengan baik. Keadaan ini amat membimbangkan kerana hutang yang lebih besar daripada keupayaan membayar balik membawa penghutang ke kancang kebankrapan.

Kajian Rokiah (1995) dan Nur Aisyatul Radiah, Sanep, Mohd. Ali dan Mohammed Rizki (2015) menunjukkan secara purata masyarakat Melayu mempunyai tahap hutang yang lebih tinggi berbanding dengan masyarakat Cina. Kajian mendapati masyarakat Melayu berhutang untuk membeli kenderaan, kegunaan peribadi, membeli rumah dan kad kredit, manakala masyarakat Cina berhutang hanya untuk membeli kenderaan, membeli rumah dan kad kredit. Kajian Nur Aisyatul Radiah *et al.* (2015) menunjukkan bahawa masyarakat Melayu lebih gemar berhutang berbanding dengan masyarakat Cina. Berdasarkan data yang ditunjukkan majoriti pinjaman peribadi yang dibuat adalah dalam kalangan masyarakat Melayu. Tidak mustahil berlaku kegagalan

**Rajah 2** Nisbah hutang isi rumah berdasarkan KDNK dan nisbah bayaran balik.



(*Sumber:* Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran, 2012, Bank Negara Malaysia)

membayar balik hutang jika tidak mempunyai kemahiran menguruskan kewangan dengan baik. Perkara ini tidak seharusnya dipandang ringan kerana kegagalan membayar balik hutang bukan sahaja akan memberikan kesan buruk pada psikologi masyarakat, seterusnya mengundang masalah tekanan mental, depresi, bunuh diri dan percaduhan dengan ahli keluarga.

Sejak dahulu lagi, masyarakat Melayu sering dikaitkan dengan sifat suka berhutang. Frank Swettenham (1895) juga ada menyebut tabiat orang Melayu yang suka berhutang. Malah, perkara ini turut dibuktikan dalam catatan sejarah. Melihat permasalahan yang timbul, kajian ini bertujuan meneliti susur galur amalan berhutang dalam kalangan masyarakat Melayu sejak zaman sebelum merdeka bagi menjelaskan punca masyarakat Melayu berhutang. Kajian yang menggunakan kaedah analisis kandungan atau kajian kepustakaan meneliti kajian lepas dan catatan sejarah. Kajian ini memberikan kesan yang penting kepada masyarakat Melayu dari segi amalan berhutang. Hasil kajian dapat memberikan gambaran tentang punca masyarakat Melayu berhutang dari zaman sebelum merdeka dan kesan atau akibatnya kepada masyarakat Melayu kini. Amalan berhutang yang berpunca daripada perkara yang tidak berfaedah dan boleh membawa

kesan buruk patut dielakkan. Masyarakat boleh belajar daripada sejarah, yang baik dijadikan teladan dan yang buruk dijadikan sempadan.

### **Definisi Hutang**

Hutang bermaksud sejumlah wang yang dipinjamkan oleh seseorang, bank atau institusi kepada individu atau institusi. Dari segi kewangan, hutang ialah liabiliti atau tuntutan kewangan bagi sesuatu tempoh pada masa hadapan (Radziah dan Syarifah, 2014). Dari segi etimologi (bahasa), hutang (*qard*) membawa maksud potong, pinjaman dan harga barang. Dari sudut terminologi (istilah) pula, hutang merujuk pemberian harta *mithliy*<sup>1</sup> (ada bandingan) oleh individu dengan individu lain dengan tujuan individu itu akan membayarnya semula (Roza Hazli *et al.*, 2012 dan Mohamad Fazli, 2016). Muhammad Ayub (2007, p. 157) mendefinisikan hutang, iaitu *debt* mempunyai persamaan makna dengan *al-Dayn* dalam bahasa Arab, manakala perkataan *loan* atau pinjaman sama makna dengan *al-qard*. Dalam konteks Islam, hutang disebut sebagai pembiayaan<sup>2</sup>, manakala istilah pinjaman<sup>3</sup> lebih bersesuaian digunakan apabila kemudahan kredit yang dipilih adalah dari institusi kewangan konvensional. Bank Negara Malaysia pula mendefinisikan hutang sebagai liabiliti yang perlu dibayar balik pada masa akan datang yang terdiri daripada pinjaman untuk pembelian hartanah dan sekuriti, serta pinjaman untuk pembelian kenderaan bermotor, pinjaman peribadi dan kemudahan kad kredit.

Kajian ini mendefinisikan hutang sebagai liabiliti yang perlu dibayar balik mengikut tempoh yang dipersejui oleh pemberi dan penerima hutang. Hutang boleh dibuat dalam bentuk formal, seperti berhutang dari institusi kewangan berlesen yang memerlukan syarat tertentu dan memerlukan dokumen yang lengkap, manakala dalam bentuk tidak formal, berhutang dengan individu yang tidak memerlukan syarat dan dokumen yang lengkap.

### **Sikap Masyarakat Melayu**

Orang Melayu merupakan penduduk asal yang mendominasi wilayah Asia Tenggara. Terdapat pelbagai istilah yang memperihalkan orang Melayu sama ada dari sudut antropologi, sosiologi mahupun undang-undang. Etimologi “Melayu” biasanya dikaitkan dengan maksud “cepat dan deras”, “penyeberang” dan “pengembara”. Kebiasaannya, takrifan bagi memperihalkan “orang Melayu” ditujukan kepada mereka yang beragama Islam dan boleh bercakap Melayu (Jasni, 2016). Dalam Perlembagaan Persekutuan, bangsa Melayu ditakrifkan sebagai orang yang beragama Islam dan berbudaya Melayu (Affifudin, 2014).

Berdasarkan catatan para sarjana, pelbagai gelagat orang Melayu dirakamkan

sama ada yang positif atau negatif. Perihal ini dianalisis dan dikemukakan secara berbeza-beza, sesuai dengan perbezaan perspektif dan latar belakang sarjana yang membincangkannya. Berdasarkan perspektif sarjana Barat, misalnya Frank Swettenham (1895), gelagat orang Melayu boleh dilihat berdasarkan dua perspektif, sama ada yang positif atau negatif. Aspek positif yang dilakarkan tertumpu pada adab sopan orang Melayu yang tidak suka menunjuk-nunjuk dan bersikap amanah. Gelagat negatif orang Melayu pula berkait rapat dengan sikap suka bermewah, gemar meminjam tetapi sukar membayar balik, sikap bertangguh, fanatic dalam agama, mempercayai perkara karut, malas dan tidak mengutamakan waktu.

Artikel ini hanya membincangkan sikap orang Melayu yang ada kaitannya dengan amalan berhutang, antaranya sikap gemar meminjam, suka bermewah-mewah dan malas. Sikap gemar meminjam dan suka bermewah-mewah memberikan peluang kepada golongan yang mempunyai wang, contohnya *Chettiar* meminjamkan wang kepada orang Melayu. Sikap sukar membayar balik hutang memberikan peluang kepada pihak yang memberikan pinjaman (*Chettiar*) merampas harta yang dimiliki oleh orang Melayu bagi melangsakan hutang.

### **Masyarakat *Chettiar***

Tarikh sebenar kedatangan *Chettiar* ke Tanah Melayu tidak dapat dipastikan ,tetapi rekod British mencatatkan kehadiran dan kegiatan *Chettiar* berlaku pada abad ke-19 dan abad ke-20. Penaklukan Singapura pada tahun 1819 dan peluasan kekuasaan dan perdagangan British di Asia Tenggara pada abad ke-19 melalui beberapa perjanjian perdagangan seperti Burney (1826) di negeri-negeri Melayu, Bowring (1855) di Thailand dan Perjanjian Yandaboo (1826) di Burma, membuka peluang kemasukan modal asing ke rantau Asia Tenggara. Peluang ekonomi yang wujud menjadi faktor tarikan kepada komuniti *Chettiar* untuk berhijrah ke Tanah Melayu. *Chettiar* memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Tanah Melayu mulai awal abad ke-20 sehingga tercetusnya Perang Dunia Kedua. Dasar *laissez-faire* British merupakan faktor pendorong kepada komuniti *Chettiar* bergiat aktif dalam industri perdagangan getah dan perlombongan bijih timah di Tanah Melayu, dan ramai dalam kalangan komuniti *Chettiar* menjadi pemilik ladang getah dan lombong bijih timah. Pada masa yang sama masyarakat *Chettiar* terlibat dengan perdagangan candu di Singapura dan Pulau Pinang (Mackenzie, 1954). Aktiviti perdagangan yang semakin serius dengan koloni British di Asia Tenggara dan Asia Selatan membuka peluang kepada masyarakat *Chettiar* membuka bank, contohnya *The Indian Bank* dan *Indian Overseas Bank*. Pada akhir abad ke-19 sehingga pertengahan abad ke-20, komuniti

*Chettiar* membiayai sepenuhnya perdagangan candu di Singapura dan Pulau Pinang, dan merupakan pembekal utama kredit kepada pengusaha Cina yang membuka hutan di Tanah Melayu bagi mengusahakan penanaman getah dan perlombongan bijih timah.

### **SOROTAN SEJARAH AMALAN BERHUTANG DALAM MASYARAKAT MELAYU DAN *CHETTIAR* SEBAGAI PEMBERI HUTANG**

Komuniti *Chettiar* bukan sahaja bertindak sebagai pemberi kredit kepada pengusaha Cina, tetapi juga memberikan kredit kepada komuniti Melayu yang terdiri daripada petani (penanam padi), pekebun kecil getah, penjawat awam dan golongan aristokrat. Mereka juga terlibat dalam industri getah (di Melaka sahaja mereka memiliki 50 000 ekar ladang getah) dan perlombongan bijih timah, khususnya di negeri Perak dan Selangor (Mackenzie, 1954). Kedudukan ekonomi komuniti *Chettiar* bertambah kukuh pada sekitar tahun 1930-an apabila berlaku kemelesetan ekonomi yang menjelaskan perdagangan getah dan pendapatan pekebun kecil Melayu.

Faktor desakan hidup akibat kemerosotan ekonomi memaksa orang Melayu menggunakan perkhidmatan *Chettiar*. Insun Sony Mustapha (1999) menceritakan keadaan ini dalam “Malay Nasionalism before UMNO - Memoirs of Mustapha Hussain”. Menurut Mustapha Hussain, keadaan ekonomi Tanah Melayu pada sekitar tahun 1929 hingga 1933 adalah sangat tenat kerana harga komoditi utama Tanah Melayu seperti getah, bijih timah dan kayu balak jatuh menjunam, dan pada masa yang sama segala keperluan asas hidup seperti beras, ikan, daging, telur, kelapa, dan lain-lain mengalami kenaikan yang mendadak, tidak setimpal dengan pendapatan yang diperoleh oleh orang Melayu yang kebanyakannya bekerja sebagai pekebun kecil getah dan pengusaha sektor pertanian sara diri sahaja, contohnya penanaman padi. Keadaan ini membawa kemiskinan kepada orang Melayu kerana terpaksa berhadapan dengan eksplorasi monopsoni oleh pembeli hasil tani di kampung Melayu yang membeli hasil tani dengan harga yang terlalu rendah dan mengenakan potongan yang tidak munasabah. Akhirnya, demi meneruskan kelangsungan hidup, mereka terpaksa berhutang dan mencagarkan tanah lot milik mereka kepada *Chettiar* untuk mendapatkan pinjaman wang. Apabila pinjaman tidak dapat dibayar, tanah yang dicagarkan terjual kepada *Chettiar* dan dalam keadaan tertentu dirampas oleh *Chettiar* (Ishak, 2009, p. 275).

Berbeza daripada masyarakat Melayu, masyarakat Cina pada masa itu terlibat dalam perlombongan bijih timah dan sektor pertanian komersial atau untuk eksport, iaitu lada hitam dan gambir. Keadaan ini menjadikan mereka mempunyai asas kewangan yang lebih kukuh daripada orang Melayu yang terlibat dalam pertanian

sara diri. Keadaan kemerosotan ekonomi tidak memberikan kesan yang besar kepada mereka. Mengikut catatan sejarah, masyarakat Cina menggunakan perkhidmatan *Chettiar* hanya untuk meningkatkan kegiatan ekonomi mereka. Contohnya, komuniti *Chettiar* membayai sepenuhnya perdagangan candu di Singapura dan Pulau Pinang antara tahun 1870–1880-an (Mackenzie, 1954). Pada akhir abad ke-19 sehingga pertengahan abad ke-20, pengusaha Cina mendapat bekalan kredit daripada *Chettiar* untuk membuka hutan di Tanah Melayu bagi mengusahakan tanaman getah di Melaka dan melombong bijih timah. Antara pengusaha Cina yang mendapat perkhidmatan *Chettiar* adalah seperti Tan Chay Yan, iaitu penanam pokok getah pertama di Melaka dan Tan Cheng Lock, iaitu pengasas Malaysian Chinese Association (MCA) (Umadevi & Sivachandralingam, 2013).

Amalan berhutang masyarakat Cina berbeza daripada amalan berhutang masyarakat Melayu. Amalan berhutang dalam masyarakat Melayu bukan sahaja untuk mendapatkan keperluan harian, tetapi juga untuk bermewah-mewah. Di Perak, umpamanya catatan sejarah menunjukkan bahawa masyarakat kampung berhutang daripada *Chettiar* bukan sahaja untuk mendapatkan keperluan harian, tetapi juga untuk mengadakan upacara tertentu yang dapat menaikkan taraf sosial mereka (Raja Mohar, 1975). Menerusi catatan sejarah, pada tahun 1912, satu pertiga daripada penduduk kampung di Parit Buntar, Perak mendapatkan khidmat hutang daripada golongan *Chettiar* dengan setiap keluarga dianggarkan berhutang antara RM600 hingga RM800 (Ahmad Nazri, 1984). Kadar faedah yang dikenakan tinggi sehingga mencécah 24 peratus sehingga 36 peratus dan akan meningkat berlipat kali ganda sehingga melebihi jumlah pinjaman asal dalam masa yang singkat. Kenaikan kadar faedah ini menjadikan peminjam gagal untuk melunaskan pinjaman sehingga mengakibatkan tanah yang dicagarkan diambil oleh *Chettiar* (Azharudin, 2012).

Pinjaman wang daripada *Chettiar* memang popular dalam kalangan orang Melayu. Golongan *Chettiar* dapat memberikan pinjaman dengan cepat dan mudah. Mengikut Penghulu Ijok, Parit Buntar, Perak (Haji Ahmad Nasib), dalam mesyuarat jawatankuasa yang dilantik khusus bagi mengkaji kegagalan pinjaman pertanian yang diberikan oleh kerajaan, kebanyakan orang Melayu meminjam wang daripada *Chettiar* hanya untuk menyambut perayaan, melangsungkan perkahwinan, mengerjakan haji dan hanya sedikit sahaja yang meminjam untuk menjalankan penternakan (S SOF 2056/1912). Golongan *Chettiar* terkenal dengan sikap “baik hati” dalam kalangan orang Melayu. Jika hubungan mereka terlalu rapat, pinjaman yang sedikit tidak dikenakan cagaran. Syarat pinjaman yang longgar yang ditetapkan oleh *Chettiar* mencetuskan lebih banyak pinjaman yang dibuat oleh orang Melayu.

Seperti pemerhatian Frank Swettenham (1895), sikap suka berhutang orang Melayu

menyebabkan mereka mempunyai hubungan langsung dengan golongan *Chettiar*. Sikap suka berhutang orang Melayu untuk perkara yang kurang berfaedah seperti mengadakan keraian majlis perkahwinan, membayai kos pengebumian, upacara berkhatan secara besar-besaran dan melunaskan hutang judi ternyata antara penyumbang suburnya aktiviti *Chettiar* di Tanah Melayu. Ditambah pula dengan pandangan orang Melayu bahawa tanah yang berkedudukan kurang strategik kurang nilainya jika dibandingkan dengan wang ringgit, maka mereka tidak keberatan menjadikan tanah tersebut sebagai cagaran untuk berhutang dengan *Chettiar*. Pada sekitar abad ke-18, orang Melayu mempunyai tanah yang banyak dan sebahagian daripada tanah tersebut tidak diusahakan. Kratoska (1975) menyatakan bahawa kebanyakan tanah yang dimiliki oleh orang Melayu pada masa itu tidak diusahakan dan masih berupa hutan tebal dan paya, malah didiami oleh binatang buas. Tidak kurang ada yang mengaitkan tanah yang tidak diusahakan itu dengan “penunggu” dan makhluk halus. Berdasarkan faktor tersebut, tanah dilihat kurang penting berbanding dengan wang ringgit dan harta benda fizikal yang lain. Oleh sebab itu, tanah digunakan sebagai cagaran apabila membuat pinjaman dengan *Chettiar*.

Amalan berhutang dalam kalangan masyarakat Melayu bukan sahaja diamalkan oleh masyarakat biasa, tetapi juga oleh golongan bangsawan. Di Kedah misalnya, amalan berhutang dapat dikesan daripada sikap sultan dan golongan kerabat diraja yang biasa hidup mewah terlibat dalam kegiatan judi yang kemudiannya mendorong mereka meminjam wang daripada *Chettiar* dan saudagar Cina (SMSAH No. 6, 1897). Selain hobi Sultan Abdul Hamid yang gemar berjudi dengan para saudagar Cina dan para pembesar dengan jumlah pertaruhan yang besar dalam beberapa permainan seperti lumba kuda, “pok” dan “chap cheki” (Sharom, 1984, p. 54), baginda juga boros dalam urusan yang tidak sepatutnya seperti membina rumah dan istana baharu, mengurniakan hadiah atau barang perhiasan kepada para isteri, putera-puteri dan individu yang disenangi baginda (C.O. 273/293). Masalah kewangan semakin meruncing akibat tindakan Sultan Abdul Hamid yang membelanjakan sejumlah besar wang untuk meraikan perkahwinan lima pasangan diraja (putera-puteri baginda) secara serentak pada 15 Jun 1904 secara besar-besaran dan kos perbelanjaan perkahwinan menelan belanja sebanyak hampir RM3 juta. Upacara dan majlis perkahwinan tersebut digelar sebagai “Majlis Perkahwinan Tiga Juta Ringgit” (Syed Mohamad & Knowles, 1958, pp. 10 – 12). Menurut sumber daripada pihak British, Kerajaan Kedah berhutang dengan pihak *Chettiar* dan saudagar Cina sebanyak RM2 juta dengan kadar faedahnya yang tinggi (F.O. 422/59: 1905).

Pada tahun 1905, pihak British melaporkan hutang (pinjaman) Kerajaan Kedah mencecah lebih RM2 juta. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh perbelanjaan yang

melebihi pendapatan yang dibuat oleh Sultan Abdul Hamid dan para kerabat diraja Kedah (Sharom, 1984, p. 46–73). Keadaan ini dapat dibuktikan melalui penyata kewangan yang tercatat dalam SMSAH No. 6 (1314 – 1317H/1896 –1899M), iaitu jumlah pendapatan yang diperoleh daripada sumber ekonomi yang dipajak berjumlah kira-kira RM60 000 lebih sahaja, manakala perbelanjaan mencecah RM420 000 dan pinjaman yang dibuat mencecah jumlah RM310 000. Laporan daripada kerajaan negeri mengatakan bahawa kedudukan Kedah pada ketika itu dengan struktur kewangannya yang teruk mengakibatkan kerajaannya tergadai dan dalam keadaan muflis (F.O. 422/58, p. 1905).

## KESAN BURUK BERHUTANG

Pada tahun 1938, pendapatan tahunan kebanyakan orang Melayu ialah RM120.27 sahaja, namun mereka berhutang dengan *Chettiar* dalam jumlah yang jauh lebih besar, iaitu antara RM100 hingga RM1000, malah ada yang lebih lagi (Kratoska, 1975). Kadar faedah yang dikenakan oleh *Chettiar* adalah antara 12 peratus hingga 40 peratus dan berbeza antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Contohnya peminjam di kawasan Kuala Lumpur dan Ulu Langat dikenakan kadar faedah sebanyak 12 peratus hingga 36 peratus, dan kawasan yang berisiko seperti Semenyih pula dikenakan kadar antara 10 peratus hingga 40 peratus (Azharuddin, 2009). Meskipun berhadapan dengan kadar faedah yang tinggi, orang Melayu tetap memilih untuk meminjam daripada *Chettiar* kerana proses pinjaman yang mudah dan cepat, malah adakalanya mereka dibenarkan membuat pinjaman melebihi nilai harta yang dicagarkan.

Kebanyakan tanah milik orang Melayu yang dicagarkan kepada *Chettiar* menjadi milik *Chettiar* apabila orang Melayu gagal membayar hutang mereka. Menurut Azharuddin (2009), pada tahun 1930, terdapat 2301 hektar ladang getah di Tanah Melayu, dan 242 hektar daripadanya menjadi milik *Chettiar*. Ladang tersebut dimiliki melalui kaedah urus niaga biasa dan ada juga yang diperoleh setelah pemilik ladang yang mencagarkan ladang tersebut gagal melunaskan hutang mereka kepada *Chettiar*.

Akibat hutang yang banyak dan tidak mampu dibayar, kebanyakan tanah orang Melayu berpindah milik kepada *Chettiar*. Di Perak, sepanjang tahun 1912 sebanyak 961 hektar hak milik orang Melayu berpindah milik kepada *Chettiar*. Pada tahun berikutnya, di Selangor, sebanyak 1416 hektar tanah orang Melayu dijual kepada *Chettiar* (Ahmad Nazri, 1984). Di Pulau Pinang, sebanyak 252 lot tanah yang dianggarkan bernilai RM2 bilion milik orang Melayu dirampas oleh *Chettiar* akibat kegagalan melunaskan hutang. Di Pulau Pinang, nilai tanah kini sangat tinggi kerana jumlah penduduk yang ramai dan tanah yang terhad. Dianggarkan nilai tanahnya yang mencecah RM350 juta dengan

keluasan 72.8 hektar tergadai kepada *Chettiar* akibat kegagalan melunaskan hutang yang hanya bernilai RM350 pada masa dahulu (*Berita Harian*, 24 November 2011).

Selain tanah, terdapat juga kes penghutang kehilangan kediaman. Dalam karya Alijah Gordon, *The Real Cry of Syed Syakh al-Hady* menceritakan Syed Sheikh al-Hadi membuat pinjaman daripada *Chettiar* sebanyak RM5000 dengan kadar faedah 26 peratus, selain turut mencagarkan rumah yang didiaminya. Malangnya, sebelum sempat melunaskan sepenuhnya hutang yang dibuat, Syed Sheikh al-Hadi meninggal dunia, lalu rumah yang dicagarkannya jatuh ke tangan *Chettiar* yang memberikan pinjaman (Azharuddin, 2009).

## **AMALAN BERHUTANG DALAM MASYARAKAT MELAYU KINI**

Sikap orang Melayu yang gemar berhutang memberikan peluang kepada penjajah Barat untuk menubuhkan institusi kewangan formal bagi memudahkan urusan mendapatkan hutang. Pada tahun 1860, British menubuhkan The Chartered Mercantile Bank of India, London and China, Penang Branch di Pulau Pinang. Selepas itu, rakyat Malaysia pula menubuhkan bank tempatan yang pertama pada tahun 1913 dengan nama Kwong Yik (Selangor) Banking Corporation yang kini dikenali sebagai Malayan Banking Berhad (Mohd. Nazari, 2016).

Bank yang ditubuhkan pada ketika itu berasaskan sistem riba, maka pinjaman yang dibuat juga tidak selari dengan ajaran Islam. Kesedaran masyarakat Melayu tentang pengharaman riba semakin meluas menyebabkan timbul keperluan menubuhkan bank yang berasaskan syariah. Keperluan menubuhkan bank Islam semakin memuncak pada era 1970-an (Sudin, 2005). Kemudiannya, Malaysia menubuhkan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada tahun 1983.

Meskipun demikian, berhutang dengan individu masih diamalkan oleh segelintir masyarakat Melayu hingga hari ini, walaupun sudah wujud kemudahan berhutang seperti bank dan institusi kewangan. Individu yang sukar mendapatkan kemudahan kredit daripada institusi kewangan dan perbankan yang sah lebih cenderung untuk mendapatkan khidmat hutang daripada Ah Long<sup>4</sup>. Ah Long akan mengenakan kadar faedah atau caj tambahan yang lebih tinggi (lebih kurang 120 peratus setahun) melalui kaedah himpunan baki berterusan dan sering kali mengugut akan menggunakan keganasan kepada peminjam yang gagal melunaskan hutang mengikut waktu yang ditetapkan (Samsudin, 2010).

Selain Ah Long, amalan berhutang dengan menggunakan modus operandi yang lebih canggih turut digunakan kini. Dengan gaya kehidupan moden yang sangat kompleks, keperluan dan kehendak manusia sentiasa berubah-ubah sehingga membawa

kecanggihan transaksi, iaitu pengenalan kad kredit yang membolehkan hutang mudah dibuat bagi memenuhi kehendak (Mohd. Kamal, 2014).

Dalam kehidupan yang serba moden, berhutang sudah menjadi amalan dalam masyarakat. Statistik yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) 2014 menunjukkan bahawa pinjaman isi rumah pada tahun 2014 didominasi oleh aktiviti pembelian harta kediaman (46 peratus) dan pembelian kenderaan bermotor (16 peratus) daripada keseluruhan pinjaman isi rumah di Malaysia. Pembiayaan peribadi pula mewakili 16 peratus daripada keseluruhan pembiayaan, dan institusi kewangan bukan bank menjadi pembiaya terbesar bagi pembiayaan peribadi isi rumah.

## **PENERAPAN AJARAN ISLAM DAN PERUBAHAN GELAGAT BERHUTANG DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU**

Dalam masyarakat Melayu, ciri Islam menjadi asas kelakuan dan tindakan, bentuk dan hubungan, serta inti sari nilai, sikap dan pandangan. Islam menjadi jiwa dalam keseluruhan sosial dan budaya orang Melayu (Zainal, 1980). Tambahan lagi, nilai Islam mempunyai hubungan yang organik dengan pandangan yang universal antara hubungan Islam dengan Tuhan, manusia dan alam (Kamal, 1980). Orang Melayu bersandarkan Islam dalam kehidupan mereka kerana Islam merupakan agama bagi orang Melayu ( T. A. Ridwan, 2001, p. 270). Nilai Islam yang diterapkan membentuk peraturan sosial yang dapat membina disiplin sosial, lalu wujudlah hubungan sosial yang berkesan, sekali gus menuntut masyarakat Melayu yang beragama Islam untuk mematuhi panduan berhutang mengikut saranan Islam.

Faktor keagamaan dilihat berperanan penting untuk meneliti gelagat masyarakat Melayu bagi mendapatkan sumber pembiayaan hutang berlandaskan syarak. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Wan Marhaini *et al.* (2006) yang membentuk satu model pemilihan bank yang mengandungi nilai Islam bagi melihat realiti pemilihan bank dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Nor Aini *et al.* (2006) turut membuktikan hal yang sama dalam kajiannya yang menggunakan satu indeks keagamaan untuk mengukur kepatuhan beragama dalam kalangan masyarakat Melayu di Lembah Klang, Kuala Lumpur. Kajian mendapati semakin tinggi tahap kepatuhan beragama seseorang pengguna, semakin tinggi keinginannya untuk menggunakan kemudahan perbankan Islam. Dapatan keseluruhannya mendapati majoriti pengguna Muslim masih kekal menggunakan kemudahan perbankan konvensional, meskipun 71.5 peratus daripada mereka berada dalam kategori kepatuhan beragama yang sederhana tinggi.

Walaupun masih ada pengguna yang tidak mempunyai kesedaran dan pengetahuan untuk membezakan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh institusi perbankan Islam dan institusi perbankan konvensional seperti yang terdapat dalam kajian Abdul Halim dan Norizaton Azmin (2001), namun majoritinya memiliki pengetahuan yang mencukupi tentang kewujudan dan kemudahan perbankan Islam di Malaysia (Ahmad Azrin, 2010). Kajian lain tentang tahap kesedaran masyarakat Melayu untuk berhutang secara Islam juga dilakukan oleh pengkaji seperti Nur Aisyatul Radiah *et al.* (2015) yang berjaya membuktikan bahawa tahap kesedaran masyarakat Melayu masih lemah tentang kewajipan menggunakan pembiayaan yang patuh syariah. Dapatan ini menunjukkan hanya 35.1 peratus sahaja yang mempunyai kesedaran untuk menggunakan produk pembiayaan patuh syariah dan selebihnya sebanyak 64.9 peratus lagi masih memilih produk konvensional untuk berhutang. Dapatan kajian ini turut mengetengahkan sikap masyarakat Melayu yang memiliki tabiat suka berhutang berbanding dengan masyarakat lain yang bukan beragama Islam. Misalnya, masyarakat Melayu merupakan kumpulan majoriti, iaitu sebanyak 45.9 peratus mempunyai tabiat suka berhutang berbanding dengan kaum India (44.4 peratus) dan Cina (39.5 peratus). Dapatan ini jelas membuktikan bahawa tabiat suka berhutang didominasi oleh kaum Melayu berbanding dengan kaum Cina dan India. Panduan berhutang yang diterapkan dalam Islam sepatutnya menjadikan masyarakat Melayu tidak terjerat dengan amalan berhutang untuk tujuan bermewah-mewah, namun kajian ini menunjukkan dapatan sebaliknya.

Selain faktor keagamaan, terdapat juga faktor lain yang turut mempengaruhi pengguna perbankan Islam untuk berhutang. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Erol dan El-Bdour (1989), Erol, Kaynak dan El-Bdouris (1990) dan Sudin *et al.* (1994) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara faktor penentu dengan gelagat pemilihan institusi perbankan Islam dalam kalangan pengguna. Faktor penentu ini merangkumi faktor keuntungan, kualiti perkhidmatan, imej dan reputasi, kecekapan dan keramahan kaki tangan bank, keselesaan, kerahsiaan, pengesyoran oleh ahli keluarga dan rakan karib, serta pengiklanan dan pemasaran.

## KESIMPULAN

Perbincangan menjelaskan bahawa amalan berhutang sudah lama diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu. Amalan berhutang dibuat bukan hanya untuk memenuhi keperluan hidup, malah untuk tujuan bermewah-mewah. Amalan berhutang bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat biasa yang miskin, tetapi juga diamalkan oleh golongan berada. Gelagat ini bukan sahaja menampilkan identiti sosial

masyarakat Melayu dalam amalan berhutang, malah gelagat masyarakat Melayu yang mementingkan status dan darjat, lebih-lebih lagi dalam hal yang melibatkan status sosial seperti majlis perkahwinan. Oleh itu, masyarakat Melayu hendaklah mengubah sikap yang terlalu taasub dengan kemewahan, lebih-lebih yang melibatkan hutang. Walaupun hutang diharuskan dalam Islam, namun amalan berhutang boleh dilakukan dalam perkara tertentu yang menjadi keperluan sahaja dan bukannya untuk bermewah-mewah dan bermegah-megah.

## NOTA

1. Harta *mithliy* ialah harta yang sama jenis yang terdapat dalam pasaran tanpa wujud perbezaan yang besar dari sudut juzuk dan unitnya. Harta *mithliy* terbahagi kepada empat bahagian, iaitu (i) barang yang boleh disukat (seperti gandum dan padi); (ii) barang yang boleh ditimbang (seperti kapas dan besi); (iii) barang yang boleh dibilang yang mempunyai bentuk yang hampir sama (seperti kelapa dan telur); (iv) barang yang boleh diukur (seperti elai, meter, dan sebagainya). Tambahan pula, jika sesuatu harta itu pada kebiasaannya jarang-jarang terdapat dalam pasaran dan kemudiannya barang tersebut menjadi banyak, maka harta tersebut menjadi *mithliy* (Hailani Muji & Sanep, 2009, p. 19 – 21).
2. Pembiayaan bermaksud transaksi perbankan yang memerlukan keterlibatan pihak institusi kewangan untuk menguruskan kemudahan pelanggan yang ingin memiliki atau menggunakan sesuatu aset secara “jual-beli” ataupun “sewa-beli” (Razli, Khairul Sabudin & Khairul Anuar, 2011, p. 39 – 40).
3. Pinjaman bermaksud kontrak antara pemberi hutang (institusi kewangan) dengan peminjam (pelanggan) yang memerlukan keterlibatan pihak pertama menyediakan kemudahan tunai kepada pihak kedua untuk tujuan mendapatkan sesuatu aset yang diperlukan. Kemudiannya, pihak pertama akan mengenakan faedah atau riba terhadap pinjaman yang diberikan dan si peminjam akan membayar balik pinjaman tersebut dalam tempoh yang ditentukan. Unsur faedah atau riba ini bertentangan dengan dua syarat (Razli, Khairul Sabudin & Khairul Anuar, 2011, p. 39 – 40).
4. *Cettier* (pemutang) yang berbangsa India sangat sinonim dalam masyarakat Melayu sehingga dikenali sebagai ceti yang merujuk golongan yang memberikan pinjaman wang dengan kadar bunga yang tinggi. *Chettiar* dijadikan sebagai tempat untuk mendapatkan hutang kerana golongan ini bersifat baik hati dan sangat ramah melayani pelanggan sehingga hubungan rapat yang terjalin antara *Chettiar* dengan peminjam dapat dilihat apabila peminjam tidak dikenakan cagaran bagi hutang yang diberikan (Azharudin, 2012, p. 133).
5. Terdapat tiga jenis kerja, iaitu Kerja Panjang Pandak: Melibatkan semua jenis kerja sama ada kerja berat atau ringan di rumah pemutang; Kerja dalam Bendang: Semua

- kerja yang berkaitan dengan penanaman padi bermula dari menanam hingga menuai; Kerja dalam Dusun: Kerja menjaga hasil buah-buahan dusun kepunyaan pemutang.
6. No. 9/1328, Undang-undang Orang Berhutang yang diluluskan oleh Kerajaan Kedah pada 10 Rejab 1328 H dikuatkuasakan semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halimshah Ibni Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (Mohd. Kamal, 2014, p. 8).
  7. Monopsoni merupakan keadaan pasaran apabila barang atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh beberapa orang penjual dibeli oleh seorang pembeli sahaja.
  8. Istilah Ah Long yang turut dikenali sebagai ceti haram merujuk orang perseorangan atau badan yang menawarkan pinjaman kewangan secara haram pada kadar faedah yang sangat tinggi kepada si peminjam, disusuli dengan ugutan atau ancaman keganasan ([http://ms.wikipedia.org/wiki/Ah\\_Long](http://ms.wikipedia.org/wiki/Ah_Long)- dicapai pada 2 Februari 2014). Selain panggilan Ah Long dalam masyarakat Melayu dan Cina, golongan ini juga digelar Tai Ee Long, yang diambil daripada perkataan Cina “naga” atau kependekan daripada frasa Kantonis “daai ji lung”, dan dikenali sebagai Chettiar oleh masyarakat India.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Abdul Hamid, & Norizaton Azmin Mohd. Nordin. (2001). A study on Islamic banking education and strategy for the new millennium - Malaysian experience. *International Journal of Islamic Financial Services*, 2(4), 11 – 18.
- Affifudin Omar. (2014). *Melayu permasalahan political-econominya sepanjang zaman*. Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd.
- Ahmad Azrin Adnan. (2010). *Penentu pemilihan bank dalam kalangan Muslim* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang).
- Ahmad Nazri Abdullah. (1985). Melayu dan tanah: Tumpuan khusus kepada tanah simpanan Melayu. Kuala Lumpur: Media Intelek Sdn. Bhd.
- Alijah Gordon. (1999). *The real cry of Syes Shaykh al-Hady*. Kuala Lumpur: Malaysia Sociological Research Institute.
- Azharudin Mohd. Dali. (2012). *Sejarah masyarakat India di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azharuddin Mohd. Dali. (2009). Cettiar di Tanah Melayu pada abad ke-20. *Sejarah*, (17), 153 – 176.
- Bank Negara Malaysia. (2013). *Laporan Tahunan 2013*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, p. 73.
- Bank Negara Malaysia. (2015). *Laporan Tahunan 2015*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Chamhuri Siwar. (1978). *Kehendak dan bentuk reformasi tanah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- C.O. 273 Straits Settlements Original Correspondence. 1905 – 1946.
- Erol, C., & El-Bdour, R. (1989). Attitude, behavior and patronage factors of bank customers towards Islamic banks. *International Journal of Bank Marketing*, 7(6), 31 – 37.
- Erol, C., Kaynak, E., & El-Bdour, R. (1990). Conventional and Islamic bank: Patronage behavior

- of Jordanian customers. *International Journal of Bank Marketing*, 8(5), 25 – 35.
- Faridzwan Abdul Ghafar. (2011, 24 November). Tanah orang Melayu RM2b kini milik ceti – Waris Pulau Pinang tumpang tanah sendiri. *Berita Harian*. Capaian daripada <http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/TanahorangMelayuRM2bkinimilikceti/Article>.
- Frank Athelstane Swettenham. (1895). *Malay sketches* (Edisi ke-3). London dan New York: John Lane The Bodley Head.
- Hailani Mujhi Tahir, & Sanep Ahmad. (2009). *Aplikasi fiqh muamalat dalam sistem kewangan Islam*. Universiti Teknologi MARA, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Insun Sony Mustapha. (1999). *Memoir Mustapha Hussain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Saat. (2009). *Malaysia (1945 – 2000)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Jasni Sulong. (2016). Pengaruh budaya Melayu dalam gelagat pembahagian harta pusaka di Malaysia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 9(1).
- Kratoska, Paul H. (1975). *Proconsuls, yeomen and rice farmers cultural categories in British Malaysia* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah tidak diterbitkan). University of Chicago, USA.
- Mackenzie, C. (1954). *Realms of silver: One hundred years of banking in the East*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Mohd. Kamal Azman Jusoh. (2014). *Konsep hutang dalam Islam: Satu kajian terhadap kefahaman dan amalan kakitangan UiTM* (Tesis tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Kamal Hassan. (1980). Nilai-nilai universal Islam tentang kesejahteraan masyarakat. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Nilai dan Norma Masyarakat Malaysia. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Malaysia & Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Kota Kinabalu, Kota Kinabalu, 10 – 11 Mac.
- Mohd. Nazari Ismail. (2016). Sistem ekonomi semasa punca utama peningkatan beban hutang. Dalam *Hutang isi rumah Malaysia: Cabaran dan penyelesaian*. Selangor. Institut Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohamad Zain Musa dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (2010). Peranan budaya dalam mempromosikan keharmonian di Asia Tenggara. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 1(2).
- Muhammad Ayub. (2007). *Understanding Islamic finance*. England: John Wiley & Son.
- Nor Aini Ali, Wan Marhaini Wan Ahmad, Azizi Che Seman, & Asmak Ab. Rahman. (2006). Religiosity and choice of banking in Malaysia. Dalam *Proceedings of International Conference Environment Challenges of Service Industry in Asia Pacific*. Jakarta, Indonesia.
- Nuraini Abdullah dan Mohamad Fazli Sabri. (2016). Faktor peramal pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 2(2).
- Nur Aisyatul Radiah Alidaniah, Sanep Ahmad, Mohd. Ali Mohd. Noor, & Mohammed Rizki Moi. (2015). Gelagat hutang isi rumah mengikut kaum di Bandar Baru Bangi, Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space*, (11).
- Razli Ramli, Khairul Sabudin, & Khairul Anuar Hashim. (2011). *Panduan asas perbankan Islam*. Kuala Lumpur: IBFIM.

- Raja Mohar Raja Badiozaman. (1975). Malay land reservation and alienation. *Intisari*, 1(2).
- Rokiah Talib. (1995). Credit and customer culture in Malaysia. Dalam *Dimension of tradition and development in Malaysia*. Selangor: Pelanduk Publication.
- Roza Hazli Zakaria, Radiah Abdul Kader, Noor Ismawati Mohd. Jaafar, & Sabitha Marican. (2012). Burgeoning household debt: An Islamic economic perspective. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 12(9).
- Samsudin Jidin. (2010). Penyelesaian ceti haram: Pengurusan kewangan secara sistematik. Capaian daripada [http://emuamalat.islam.gov.my/sites/default/files/kertas\\_ilmiah/2010/04/bnm\\_Nota\\_ceramah.pdf](http://emuamalat.islam.gov.my/sites/default/files/kertas_ilmiah/2010/04/bnm_Nota_ceramah.pdf).
- Sharom Ahmat. (1984). Kedah-tradition and change in Malay State: A study of the economic and political development. *Monograph No. 12. Malayan Branch Royal Asiatic Society*, 1778 – 1923.
- Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah No. 6. T.H. 1314 – 1317H/1896 – 1899M.
- Sudin Harun, Norafifah Ahmad, & Planisek, S. L. (1994). Bank patronage factors of Muslim and non-Muslim customers. *International Journal of Bank Marketing*, 12(1), 32 – 40.
- Sudin Haron (2005). *Sistem kewangan dan perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School Sdn. Bhd.
- Swettenham, F. (1948). *British Malaya: An account of the origin and progress of British influence in Malaya*. London: J. Lane.
- Syed Mohammad Syed Hassan Shahabudin, & Knowles, M. G. (1958). The three million-dollar wedding. *Malaya in History*, IV(2), 10 – 12.
- T. A. Ridwan. (2001). Bahasa Melayu: Peranan dan nilai-nilai moralisme di dalamnya. Dalam Yaacob Harun, *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Ummadevi Suppiah, & Sivachandralingam Sundra Raja. (2012). Kedudukan ekonomi Chettiar di Tanah Melayu 1945 – 1957. *Sejarah (Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya)*, (20), 24.
- Ummadevi Suppiah, & Sivachandralingam Sundra Raja. (2013). Sejarah asal-usul dan kegiatan ekonomi Chettiar di Tanah Melayu. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 40(1), 63 – 90.
- Household debt. (2016, Januari). The economist. Capaian daripada <https://www.economist.com/news/economic-and-financial-indicators/21578669-household-debt>.
- Wan Marhaini Wan Ahmad, Asmak Ab. Rahman, Nor Aini Ali, & Azizi Che Seman. (2006). Religiosity and banking selection criteria amongst Malays in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan dalam INCEIF Islamic Banking and Finance Educational Colloquium, 3 – 5 April 2006.
- Zainal Kling. (1980). Sistem nilai tradisi Melayu. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Nilai dan Norma Masyarakat Melayu. Kota Kinabalu, 10 – 11 Mac 1980.

Diperoleh (*Received*): 2 Oktober 2017

Diterima (*Accepted*): 25 Oktober 2017